

# X-PLORASI

## Read Gartner® Market Guide

Play offense on API abuse and get a jump on your next big attack v

Akamai



Laman utama > Sabak Bernam Bersejarah > Kedaulatan Raja Hitam di Sabak Bernam

Sabak Bernam Bersejarah

## Kedaulatan Raja Hitam di Sabak Bernam

---



### **Makam Raja Hitam di Seberang Kota, Perak**

Pada peringkat awal sejarah Sabak Bernam ditulis hanya berdasarkan cerita lisan masyarakat setempat sahaja. Suatu masa dahulu Sabak Bernam pernah menjadi sebahagian daripada wilayah negeri Perak sebelum diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan negeri Selangor. Pemerintah Daerah Sabak Bernam pada awalnya bertaraf raja iaitu, Raja Hitam ibni Raja Yunus ibni Raja Usuh ibni Sultan Ibrahim. Raja Hitam merupakan sepupu kepada Sultan Abdul Samad dan cicit kepada Sultan Ibrahim.

Pada awal 1860an, banyak kawasan lembangan Sungai ditadbir oleh "anak raja" seperti Sungai Bernam di bawah Raja Hitam, Sungai Selangor di bawah Raja Musa, Sungai Jeram di bawah Raja Ali, Sungai Klang di bawah Raja Abdullah, Sungai Langat di bawah Sultan Abdul Samad, Sungai Lukut di bawah Raja Jumaat dan Sungai Raya di bawah Raja Sulaiman.

Raja Hitam merupakan pembesar Melayu terakhir, yang bertanggungjawab ke atas Sabak Bernam sebelum diletakkan di bawah penguasaan kerajaan negeri Selangor oleh pihak British setelah British berjaya masuk campur hal ehwal pentadbiran negeri Selangor dengan menempatkan seorang Residen.



**Seks hanya 7 minit? Tak perlu viagra, jika tahu rahsiannya!**

Uranol



**Hubungan seks 5 kali dalam satu malam? Lihat rahasia di sini**

Uranol



**Letak dekat pintu rumah kalau nak kaya**

Money Amulet



**Cara Mengecutkan Prostat Dan Meningkatkan Rahsia Lelaki!**

Uranol

Lihat Juga : Makam Tuan Guru Haji Osman Bin Haji Sidek, Mudir Madrasah Khairiyah al-Wataniyyah, Sungai Haji Dorani

Kewujudan pemerintah dalam kalangan orang Melayu menunjukkan bahawa Sabak Bernam sebenarnya telah dibuka dan diteroka pada awalnya oleh orang Melayu. Laporan yang dibuat oleh John Anderson, seorang Pegawai Inggeris di Selangor dalam catatannya yang ditulis pada tahun 1824 ada menyebutkan, penduduk di Sabak Bernam melebihi 1000 orang. Keadaan Sabak Bernam yang mundur pada waktu itu serta dikategorikan sebagai kawasan pedalaman tidak menarik minat orang luar terutamanya orang Cina dan India ke Sabak Bernam. Hal ini menunjukkan bahawa, sekitar awal abad ke 19 orang Melayu merupakan kelompok majoriti yang mendiami daerah Sabak Bernam. Oleh sebab itu, hanya selepas kedatangan British barulah keadaan di daerah Sabak Bernam berubah sedikit demi sedikit sama ada dalam soal politik, ekonomi mahu pun sosial.

Pada tahun 1876, Residen British Selangor yang bernama Kapten Bloomfield Douglas telah menulis sepucuk surat kepada Raja Hitam iaitu pemerintah wilayah Sabak Bernam

Berikut merupakan petikan ayat dalam surat tersebut.

“ surat daripada Kapten Bloomfield Douglas Residen British Negeri Selangor kepada Raja Hitam Ibni Al-Marhum Raja Yunos di Sabak Bernam bertarikh pada 13 hari hulan Ogos 1876 mengenai peraturun baru untuk mengadakan pegawai orang putih Edward Neubroner memegang jawatan Collectar Of Land Revenue (pemungut hasil Magistrate Police Sabak Bernam. ”

penguasaan baginda ke atas wilayah Sabak Bernam. Segala urusan berkaitan dengan aktiviti percukaian, undang-undang serta apa-apa perkara yang berkaitan dengan pentadbiran kini adalah di bawah penguasaan dan tanggungjawab pihak British.

Ikuti kami di **TELEGRAM** :  
[https://t.me/X\\_PLORASI](https://t.me/X_PLORASI)

KONGSIKAN:

**نُورُ الْفَهْمِ**  
**NUR AL-FAHMI**  
CAHAYA KEFAHAMAN

# ASAS-ASAS FARDHU AIN

Merangkumi Ilmu Tauhid, Fiqah & Tasawuf

**WORLDWIDE BEST SELLER WORLDWIDE**

**CLICK HERE TO ORDER NOW**

**MUHADIR HAJI JOLL**

**نُورُ الْفَهْمِ**  
**NUR AL-FAHMI**  
CAHAYA KEFAHAMAN

### ASAS-ASAS FARDHU AIN

Buku ini menerangkan secara ringkas asas-asas fardhu ain iaitu perkara-perkara yang wajib diketahui dan dilaksanakan oleh setiap individu Muslim yang telah memenuhi syarat-syarat taklif (mukalaf). Ilmu-ilmu tersebut antaranya:

- **TAUHID:** Cara beriman kepada Allah, para Malaikat, Kitab-kitab, para Rasul, hari kiamat dan qadha' dan qadar.
- **FIQAH:** Cara bersuci (thaharah), solat, puasa, zakat dan haji.
- **TASAWUF:** Cara menjaga 7 anggota zahir, membersihkan hati daripada 10 sifat mazmumah dan menghiati hati dengan 10 sifat mahmudah.

**MUHADIR HAJI JOLL AB-RAGHEBY**, Murni, Pengerusi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kini merupakan Pencerita Special Guest Era Media Group. Sering dijemput sebagai pembicara di setiap program Mualafin FOMAN, Terapi dan Tapak Jamban di Radio 93.9 dan Al-Zohor di Radio KOL. Juga sering muncul dalam rancangan liputan di TV Al-Hijrah, TV3 dan TV8. Beliau mempunyai carikata serta pengamalan di seluruh Malaysia. Beliau merupakan Pencerita dan adalah karya ke-87 beliau terbitan Galeri Era Sdn. Bhd.

ISBN 978-608-1558-01-2 683772  
Seri Malaysia RM22.00  
Seri Cikampek RM22.00

www.galeriEra.com.my | info@galeriEra.com.my | 02-51421414